

**MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN (JPERT) ZON C4 BIL. 2  
& POST MORTEM LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN TAHUN 2024,  
KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA**

Tarikh : 28 Ogos 2024 (Rabu)  
Masa : 10:00 pagi - 1:00 tengah hari  
Tempat : [meet.google.com/kkw-rhj-ucr](https://meet.google.com/kkw-rhj-ucr)

Agenda:

1. Kata Aluan Komander Insiden Zon C4
2. Semak Status Takwim JPKPKP FKTM 2024 > Pengurusan Pasukan ERT
3. Semak Status Takwim Keselamatan Kebakaran- Zon C4
4. Pembentangan Minit Mesyuarat JPert Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024
5. Pembentangan Minit Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Tahun 2024
6. Laporan Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Oleh Agensi Berkaitan
7. Pelaporan Pengurusan Kecemasan Dan Insiden
8. Hal-Hal Berbangkit
9. Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4

Senarai kehadiran ahli JPert Zon C4 & lain-lain

BIL	NAMA	KEHADIRAN	
1	Dr. Tan Wee Choon	hadir	2/2
2	En. Masri Zairi Mohd Zin	hadir	2/2
3	Tc. Narzrezal Abdul Razak	hadir	2/2
4	En. Mazlan Mohd Husin	hadir	2/2
5	En. Mohd Nazri Abdul Hamid	hadir	2/2
6	En. Mohamad Jasmin Shaari	hadir	2/2
7	En. Mohd Shukri Nordin	hadir	2/2
8	Pn. Suraya Harun	hadir	2/2
9	Dr. Ahmad Zulhafizi Bin Azmi	x	1/2
10	En. Rashid Ramli	hadir	2/2
11	En. Mohd Nazmi Mohammad Radzi	hadir	2/2
12	En. Muhamad Fairuz Abdul Karim	hadir	2/2

13	En. Suhelmi Wi @ Senawi	hadir	2/2
14	En. Mohd Ridzuan Mohd Nor	x	1/2
15	En. Mohammad Nasrul Naim Bin Mat Hashim	hadir	1/2
16	En. Roszi Anuar Hamid	hadir	2/2
17	Ts. Shariffah Zarihan Syed Zaharim Helmi	hadir	2/2
18	Pn. Misni Rosli	x	1/2
19	En. Mohd Nazry Mat Nayan	hadir	2/2
20	Prof. Madya Dr. Mohammad Shahrazel Razalli	hadir	2/2
21	Pn. Nurzaitun Musa	x	1/2
22	Pn. Noor Fazreen binti Bakar	hadir	2/2
23	Mohamad Faizal Yusof	x	1/2
24	Muhammad Khairi Md Naim	hadir	1/2
25	Zambri Ibrahim	x	0/2
26	Azizul Hafifi Bin Abd Rahman	hadir	2/2
27	Dr. Ahmad Ashraf Bin Abdul Halim	hadir	2/2
28	Mohamad Haris Bin Uzir	hadir	2/2
29	Sufyian Abu Suhor	hadir	1/2
30	Muhamad Ikbal Azudin	hadir	2/2
31	Mohd Nizam Hashim	hadir	2/2
32	Mohd Nurhilmi Mohamad	hadir	2/2
33	Mohd Amri Zainol Abidin	hadir	1/2

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><b><i>Kata Aluan Komander Insiden Zon C4</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) zon C4, pengurus JPKPKP FKTM, ahli-ahli JPKPKP FKTM dan ahli-ahli ERT FKTM Zon B &amp; C yang hadir dalam mesyuarat ini.</li> <li>Mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa mesyuarat pelarasan dan Simulasi Table Top Exercise (TTX) pada 16 Mei 2024 serta latihan pengungsian bangunan zon C4 (fire drill) pada 5 Jun 2024 yang lalu.</li> <li>Kepentingan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) Zon C4 Bil. 2 &amp; Post Mortem Latihan Pengungsian Bangunan Tahun 2024 bagi membincangkan aktiviti pemantauan, latihan kompetensi dan post mortem latihan pengungsian bangunan bagi tahun 2024.</li> </ul>	- - -

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
2	<p><b><i>Pembentangan Semak Status Takwim JPKPKP FKTM 2024 &gt; Pengurusan Pasukan ERT</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komander Insiden Zon C4 membentangkan Takwim JPKPKP FKTM 2024 &gt; Pengurusan Pasukan ERT yang merangkumi perkara-perkara berikut beserta tarikh perancangan untuk tindakan lanjut JPERT Zon C4:               <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kursus Pertolongan Cemas Asas- mengikut tarikh yang akan diberi oleh PKU.</li> <li>2. Mesyuarat Pelarasan Latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 16 Mei 2024</li> <li>3. Simulasi Table-top Exercise (TTX)- 16 Mei 2024</li> <li>4. Latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 5 Jun 2024</li> <li>5. Mesyuarat post-mortem latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 28 Ogos 2024</li> <li>6. Pemeriksaan pemadam api tanggungan FKTM- 1-12 Mei 2024</li> <li>7. Kemaskini prosedur tindakan kecemasan- 16-31 Januari 2024</li> <li>8. Pembentangan perancangan peruntukan JPERT untuk tahun 2025 dan tahun 2026- 28 Ogos 2024</li> <li>9. Pembentangan perancangan JPERT untuk tahun 2025- 14-27 November 2024</li> </ol> </li> </ul>	JPERT/ JPKPKP FKTM/ COSHE
3	<p><b><i>Pembentangan Semak Status Takwim Keselamatan Kebakaran Zon C4</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komander Insiden Zon C4 membentangkan Takwim Keselamatan Kebakaran Zon C4 yang merangkumi perkara-perkara berikut beserta tarikh perancangan untuk tindakan lanjut JPERT Zon C4:               <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keahlian Jawatankuasa- 5 Mei 2024</li> <li>2. Mesyuarat Bil. 1, 2 &amp; 3 Tahun 2024- 2 Mei, 28 Ogos &amp; November 2024</li> <li>3. Kursus Pertolongan Cemas Asas- mengikut tarikh yang akan diberi oleh PKU</li> <li>4. Kursus Kesedaran Kebakaran Bomba- bergantung kepada budget COSHE</li> <li>5. Mesyuarat Pelarasan Latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 16 Mei 2024</li> <li>6. Simulasi Table-top Exercise (TTX)- 16 Mei 2024</li> <li>7. Latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 5 Jun 2024</li> <li>8. Mesyuarat post-mortem latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 28 Ogos 2024</li> <li>9. Audit Tempat Kerja- 1-15 April, 1-15 Julai &amp; 1-15 Oktober 2024</li> </ol> </li> </ul>	JPERT/ JPKPKP FKTM/ COSHE
4	<p><b><i>Pembentangan Minit Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komander Insiden Zon C4 membentangkan Minit Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024 secara umum dan memfokuskan kepada beberapa perkara penting seperti dibawah.</li> <li>• Komander Insiden Zon C4 meminta setiap ketua Pasukan Bantu Mula, Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, Pasukan Kawalan Trafik dan Pasukan Ketua Blok/Aras perlu melaporkan rumusan aktiviti-aktiviti pasukan yang dijalankan setelah mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 sehingga sebelum mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2024 diadakan. Analisa aktiviti diperlukan untuk penambahbaikan. Pelaporan tersebut perlu dibentangkan pada mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2024 oleh ketua setiap pasukan.</li> <li>• Komander Insiden Zon C4 seterusnya meminta setiap ketua Pasukan Bantu Mula, Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, Pasukan Kawalan Trafik dan Pasukan Ketua Blok/Aras juga perlu menyediakan pembentangan keperluan budget untuk tahun 2025 (sekiranya perlu) pada mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2024 nanti.</li> <li>• Akhir sekali, Komander Insiden Zon C4 juga meminta setiap ketua Pasukan Bantu Mula, Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, Pasukan Kawalan Trafik dan Pasukan Ketua Blok/Aras untuk menyediakan pembentangan perancangan pasukan untuk tahun 2025 pada mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2024 nanti.</li> <li>• Minit mesyuarat JPERT Zon C4 bil. 1 tahun 2024 diluluskan oleh: Pencadang : En. Muhamad Ikbal Azudin Penyokong : Dr. Ahmad Ashraf Abdul Halim</li> </ul>	-  JPERT  JPERT  JPERT  -

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5	<p><b><i>Pembentangan Minit Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Tahun 2024</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komander Insiden Zon C4 membentangkan Minit Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Tahun 2024 secara umum dan memfokuskan kepada beberapa perkara penting seperti dibawah.</li> <li>• Komander Insiden memberitahu wakil Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia menyatakan Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 berjalan dengan baik dan ahli JPERT zon C4 tahu peranan masing-masing.</li> <li>• Penggera kecemasan berbunyi dengan baik dan pengumuman kecemasan kebakaran oleh JPERT melalui pembesar suara bangunan juga jelas kedengaran.</li> <li>• Kawalan lalulintas juga baik dan memudahkan jentera bomba sampai ke lokasi kebakaran.</li> <li>• Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia memberi cadangan agar JPERT Zon C4 dapat membuat 'headcount' di tempat pengumpulan semasa proses pengungsian bangunan dijalankan.</li> <li>• Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia juga memberi cadangan agar JPERT Zon C4 boleh melihat panel kawalan utama (<i>Main Fire Alarm Panel</i>) untuk mengetahui lokasi penggera kebakaran berbunyi. jika tidak dapat mengenalpasti dengan segera lokasi penggera tersebut.</li> <li>• Komander Insiden memaklumkan ahli JPERT memerlukan sedikit masa untuk mengenalpasti lokasi mangsa terperangkap dan juga lokasi kejadian kecemasan (letupan) disebabkan penggera kecemasan berbunyi tanpa kelihatan asap kebakaran dari letupan tersebut di lokasi kecemasan.</li> <li>• JKes memaklumkan lalulintas sekitar lokasi kecemasan kebakaran yang dikawal oleh ahli JPERT berada dalam keadaan baik dan memudahkan jentera bomba melaluinya.</li> <li>• JKes juga memaklumkan terdapat segelintir penghuni Zon C4 yang masih kekal berada di medan selera semasa proses pengungsian bangunan dijalankan walaupun arahan pengungsian bangunan telah dibuat kemungkinan disebabkan lokasi tempat pengumpulan terletak bersebelahan medan selera tersebut.</li> <li>• PKU memaklumkan semua pesakit atau penghuni didalam bangunan PKU sendiri akan dikosongkan semasa proses pengungsian bangunan Zon C4 dijalankan semasa kejadian kecemasan.</li> <li>• Pengurus JKPP FKTM menyatakan terdapat penambahbaikan yang boleh dilakukan kepada JPERT Zon C4 seperti keperluan penambahan ahli pasukan kawalan trafik bagi mengawal trafik laluan pejalan kaki sekitar zon C4, keperluan pembelian 2 loud hailer bagi pasukan ketua blok/aras bagi membantu memudahkan proses pengumpulan penghuni di tempat pengumpulan, keperluan pembelian alat pelindung diri (<i>Personal Protective Equipment, PPE</i>) yang bersesuaian jika diperlukan kepada pasukan pemadam dan penyelamat dan lain-lain.</li> <li>• COSHE menjelaskan bunyi penggera kecemasan dan pengumuman melalui PA sistem juga jelas kedengaran dilokasi kejadian kecemasan.</li> <li>• Akhir sekali, COSHE meminta pihak JPERT zon C4 mengambil maklum komen yang diberi oleh agensi berkaitan dan COSHE akan menyerahkan salinan 'softcopy' komen rasmi agensi berkaitan kepada JPERT selepas ini. Komen rasmi telah diterima oleh Komander Insiden.</li> <li>• Minit Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Tahun 2024 diluluskan oleh: Pencadang : Pn. Noor Fazreen Bakar Penyokong : Ts. Shariffah Zarihan Syed Zaharim Helmi</li> </ul>	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>JPERT</p> <p>-</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>-</p> <p>JPERT</p> <p>-</p>
6	<p><b><i>Pembentangan Laporan Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Oleh Agensi Berkaitan</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komander Insiden Zon C4 membentangkan Laporan Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 oleh agensi berkaitan yang merangkumi rumusan komen dan jawapan balas JPERT Zon C4 seperti dibawah.</li> <li>• Komen Bomba- Adakah semua staf, pelajar, kontraktor dan pelawat dikira: Tidak.</li> </ul>	<p>-</p>



BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua ahli JPERT Zon C4 juga telah menyertai secara atas talian kursus Induksi Tindakan Kecemasan &amp; juga Kursus Simulasi Tabletop Exercise (TTX) yang perlu diselesaikan antara 12-19 Julai 2024 yang lalu atas anjuran COSHE.</li> <li>• JPERT Zon C4 juga merancang untuk menyertai satu sesi latihan pertolongan cemas yang dikendalikan oleh PKU (tarikh sebenar akan dimaklumkan oleh PKU dimana PKU merancang mengadakan kursus tersebut sebanyak 3 kali untuk tahun 2024 ini).</li> <li>• Kemaskini carta JPERT Zon C4 dengan pelantikan penolong ketua pasukan dan penambahan ahli baru dari wakil FKTEM [1. Dr. Ahmad Ashraf Bin Abdul Halim (Bilik pensyarah Komputer). 2. Mohamad Haris Bin Uzir (Makmal Adv Com). 3. Azizul Hafizi bin Abd Rahman (Makmal MKP1)] akan dilakukan setelah mendapat carta baru ini untuk ditampal ditempat-tempat terpilih.</li> <li>• Kursus Keselamatan Kebakaran percuma anjuran COSHE tahun 2024 kemungkinan tidak buat pada tahun ni (tangguh) kerana kekangan budget kecuali menggunakan budget FKTM &amp; anjuran bersama COSHE.</li> <li>• Tiada keperluan budget kritikal pada tahun 2024 untuk pembelian berkaitan alat pelindung diri (PPE) bagi pasukan JPERT pada tahun ini.</li> <li>• Perancangan peruntukan JPERT Zon C4 untuk tahun 2025 seperti dalam Template Pelaporan Aktiviti Sub Pasukan JPERT Zon C4 seperti dibawah.</li> <li>• Berdasarkan Template Pelaporan Aktiviti Sub Pasukan JPERT Zon C4 bagi Pasukan Bantu Mula, tiada ringkasan aktiviti yang telah dilakukan sejak mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024 hingga ke Ogos 2024 dan juga tiada Perancangan peruntukan Pasukan Bantu Mula untuk tahun 2025.</li> <li>• Bagi Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, ringkasan aktiviti yang telah dilakukan sejak mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024 hingga ke Ogos 2024 ialah membantu JKKP FKTM mengemaskini kini alat pemadam api kepunyaan FKTM Zon A sendiri yang tamat tempoh pada Mei 2024 hari itu. Pasukan ini juga tiada perancangan peruntukan pasukan untuk tahun 2025.</li> <li>• Bagi Pasukan Kawalan Trafik/Lalu Lintas pula, ringkasan aktiviti yang telah dilakukan sejak mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024 hingga ke Ogos 2024 ialah membuat group WhatsApp pasukan lalu lintas, menghasilkan plan 3D model lalulintas, pembahagian tugas ahli dan menjalankan simulasi kecemasan.</li> <li>• Pasukan Kawalan Trafik/Lalu Lintas juga memohon penambahan ahli pasukan sebanyak 4 orang lagi.</li> <li>• Perancangan peruntukan Pasukan Kawalan Trafik/Lalu Lintas untuk tahun 2025 ialah 10 set kon keselamatan= RM300, 6 set walki talkie= RM600 &amp; 10 set AWAS caution tape= RM50.</li> <li>• Ringkasan aktiviti yang telah dilakukan sejak mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024 hingga ke Ogos 2024 bagi Pasukan Ketua Blok/Aras ialah susunan semula arahan yg diberikan pada setiap ahli.</li> <li>• Pasukan Ketua Blok/Aras juga memohon penambahan ahli pasukan.</li> <li>• Perancangan peruntukan Pasukan Ketua Blok/Aras pula untuk tahun 2025 ialah 2 set Loud hailer= RM1000.</li> </ul>	<p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ COSHE</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ JPKPKP FKTM</p>
8	<p><b><i>Hal-Hal Berbangkit</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Mohammad Nasrul Naim Bin Mat Hashim dari PKU memaklumkan bahawa PKU merancang menganjurkan 3 kursus pertolongan cemas pada tahun 2024 ini. Tarikh sebenar belum ditentukan lagi oleh PKU.</li> <li>• Komander insiden memaklumkan wakil PKU seramai 4 orang tiada dalam JPERT Zon C4 selepas ini, setelah PKU berpindah ke bangunan baru bermula 26 Ogos 2024 menjadikan ahli terkini JPERT Zon C4 hanya seramai 23 ahli.</li> <li>• Komander insiden memaklumkan bahawa JPERT Zon C4 berfungsi ketika hanya masa pejabat, selain waktu itu, Jabatan Keselamatan akan mengambil alih tugas JPERT Zon C4 jika berlaku hal-hal kecemasan.</li> <li>• Komander insiden juga memberitahu poster terbaru carta organisasi JPERT Zon C4 akan diedarkan selepas ini setelah kemaskini dibuat.</li> </ul>	<p style="text-align: center;">JPERT/ PKU</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">JPERT/JKES</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ JPKPKP FKTM</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Makluman tambahan berkaitan ERT akan dikongsi dari semasa ke semasa oleh komander insiden.</li> <li>Komander Insiden meminta semua ahli JPERT terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti mesyuarat, latihan dan lain-lain lagi berkaitan ERT.</li> </ul>	- JPERT
9	<p><b>Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh semua ahli JPERT zon C4, pengurus JPKPKP FKTM, ahli-ahli JPKPKP FKTM dan ahli-ahli ERT FKTM Zon B &amp; C lain yang hadir dalam mesyuarat ini.</li> <li>.Mesyuarat ini ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.</li> </ul>	- -

Disediakan oleh:



MASRI ZAIRI BIN MOHD ZIN  
PEGAWAI LATHAN VOKASIONAL  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Email: masrizairi@unimap.edu.my

(En. Masri Zairi Mohd Zin)

Komander Insiden Zon C4

Disahkan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Pengurus JPKPKP FKTM

DR. TAN WEE CHOON  
Senior Lecturer  
Mechanical Engineering Programme  
Faculty of Mechanical Engineering Technology  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Email: tweekoon@unimap.edu.my